

1) PENDAHULUAN

- i. Terma & syarat yang dinyatakan di sini ("**T&S**") akan mentadbir *Mini Worries, Big Rewards* ("**Kempen**") yang dianjurkan oleh **Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad** [No. Syarikat 198401019089 (131646-K)] dan **Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad** [No. Syarikat 2024706014 (1246486-D)] (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**kami**" dan "**Takaful Malaysia**")

2) TEMPOH KEMPEN

- i. Kempen ini bermula pada tarikh 1 Jun 2025 jam 12:00 tengah malam Waktu Malaysia ("**MYT**") dan berakhir pada 19 September 2025 jam 11:59 malam MYT ("**Tempoh Kempen**").
- ii. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan kelayakannya dan dianggap tidak layak dipertimbangkan untuk Hadiah (seperti yang ditakrifkan di bawah).

3) KELAYAKAN

- i. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menyertai produk Kaotim berikut ("**Peserta**") semasa Tempoh Kempen.
 - a. Kaotim MediKad; atau
 - b. Kaotim Legasi; atau
 - c. Kaotim Car; atau
 - d. Kaotim Motor.
- ii. Ahli penganjur Kempen ini dan panel juri tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

4) MEKANISME KEMPEN

- i. Peserta perlu menyertai mana-mana Produk Kaotim melalui saluran berikut:
 - a. Mana-mana [cawangan](#) Takaful Malaysia hanya untuk produk Kaotim MediKad dan Kaotim Legasi; atau
 - b. Melalui laman web dalam talian:
 - <https://medikad.kaotim.my>
 - <https://legasi.kaotim.my>
 - <https://car.kaotim.my>
 - <https://motor.kaotim.my>
- ii. Sijil Peserta dikeluarkan dan berkuatkuasa semasa Tempoh Kempen dan sijil mestilah terus berkuatkuasa selama 30 hari selepas tamat Tempoh Kempen.

5) PEMENANG & HADIAH

- i. Kami akan memilih enam (6) pemenang bagi kempen ini daripada senarai peserta yang layak menggunakan alat rawak, iaitu satu (1) pemenang Hadiah Utama, satu (1) pemenang untuk Tempat Kedua, satu pemenang untuk Tempat Ketiga dan tiga (3) pemenang bulanan.
- ii. Nama Pemenang akan diumumkan di akaun rasmi Facebook dan Instagram Kaotim serta laman web rasmi Takaful Malaysia ("Pengumuman Pemenang") sebelum penghantaran E-mel Pemasaran Elektronik (EDM) rasmi sebagai pemberitahuan kepada Pemenang.
- iii. Pemenang Hadiah Bulanan akan diumumkan pada bulan berikutnya (contohnya, Pemenang bagi bulan Jun 2025 akan diumumkan pada bulan Julai 2025). Pemenang bagi Hadiah Utama, Pemenang Hadiah Tempat Kedua dan Pemenang Hadiah Tempat Ketiga akan diumumkan pada bulan November 2025.
- iv. Pemenang hendaklah menghubungi Unit Khidmat Pelanggan kami melalui talian 1-300-80-2525 atau melalui e-mel hello@kaotim.my untuk penebusan Hadiah dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam EDM.

Hadiah – Hadiah
Hadiah Utama:

1x RM100,000.00 Tunai

Tempat Kedua:

1x RM30,000.00 Tunai

Tempat Ketiga:

1x RM10,000.00 Tunai

Hadiah Bulanan:

3x RM10,000.00 Tunai

- v. Hadiah tidak boleh dipindah milik, ditebus atau ditukar dengan kredit atau dalam apa jua bentuk.
- vi. Pemenang hanya dibenarkan untuk memenangi satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- vii. Takaful Malaysia berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
- viii. Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke akaun bank Pemenang, seperti yang diberikan kepada Takaful Malaysia.
- ix. Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menangani sebarang pertanyaan dan aduan berkenaan dengan Hadiah selepas penerimaan Pemenang dan Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut atau untuk pertikaian itu sendiri. Sebarang pertanyaan dan aduan mengenai Hadiah mesti disalurkan kepada pengedar atau pengeluar Hadiah mengikut terma dan syarat yang berkaitan dengan Hadiah tersebut.
- x. Setiap Pemenang akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk penebusan dan penggunaan Hadiah. Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab, atau diwajibkan untuk menawarkan penggantian dan/atau pampasan bagi Hadiah dalam mana-mana keadaan berikut:
 - a. Kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemenang akibat pelanggaran terma dan syarat yang berkaitan dengan Hadiah masing-masing;
 - b. Sebarang perubahan yang dibuat pada Hadiah; dan
 - c. Ketidakmampuan untuk menebus/menggunakan Hadiah disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka.
- xi. Takaful Malaysia berhak untuk memilih Pemenang yang lain mengikut budi bicara mutlak Takaful Malaysia sekiranya:
 - a. Pemenang tidak dapat dihubungi dalam masa dua puluh (20) hari bekerja daripada tarikh Pengumuman Pemenang; atau
 - b. Pemenang gagal untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh Takaful Malaysia bagi tujuan pengkreditan Hadiah Wang Tunai kepada Pemenang dalam masa dua puluh (20) hari bekerja daripada tarikh Pengumuman Pemenang; atau
 - c. Sijil Pemenang tidak lagi berkuatkuasa tiga puluh (30) hari selepas Tempoh Kempen tamat.
- xii. Pemenang bertanggungjawab untuk sebarang dan semua cukai yang perlu dibayar disebabkan oleh penerimaan Hadiah wang tunai.

6) TERMA & SYARAT AM

- i. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta:
 - a. bersetuju untuk terikat dengan T&S;
 - b. bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Takaful Malaysia sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa Malaysia adalah tepat dan muktamad;
 - c. bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Takaful Malaysia berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;

- d. bersetuju membenarkan data peribadi didedahkan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak ketiga iaitu penyedia perkhidmatan/pembekal yang diberi kuasa termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen ini dan bagi tujuan yang berkaitan dengan Kempen ini termasuk pengkreditan Hadiah Wang Tunai.
- e. bersetuju membenarkan Takaful Malaysia menyiarkan nama, gambar yang diambil atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa hadapan dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
- f. tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada Takaful Malaysia, termasuk pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa sebarang limitasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan atau penangguhan Kempen ini.

7) NOTIS PRIVASI TAKAFUL MALAYSIA

- i. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia selaras dengan Notis Privasi Takaful Malaysia yang dapat dilihat di www.takaful-malaysia.com.my ("[Notis Privasi Takaful Malaysia](#)").
- ii. Di samping itu, tanpa prejudis terhadap terma di dalam Notis Privasi Takaful Malaysia, tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta/Pemenang melalui e-mel ke csu@takaful-malaysia.com.my untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta/Pemenang bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia untuk:
 - a. tujuan Kempen ini; dan
 - b. aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Takaful Malaysia dalam mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta respons dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, setiap Peserta/Pemenang bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah Takaful Malaysia berhubung dengan Kempen ini.

8) LAIN-LAIN

- i. Takaful Malaysia berhak untuk:
 - a. membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang tidak layak mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen ini; dan
 - b. menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau mengubah, menambah, memadam, mengubah suai atau meminda terma dan syarat di sini, sepenuhnya atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkan di www.takaful-malaysia.com.my atau dalam kaedah lain yang Takaful Malaysia anggap praktikal dengan memberi notis awal yang munasabah kepada Peserta mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini.
- ii. Takaful Malaysia dan mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Kempen) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau disebabkan oleh

Peserta (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini dan/atau penggunaan Hadiah; dan sebarang keingkaran kewajipannya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit berjangkit (pandemik/epidemik), atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Takaful Malaysia.

- iii. T&S ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Peserta/Pemenang bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- iv. Ketidaksahan, kepenyalahan undang-undang atau ketidakmampuan penguatkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain T&S Kempen ini.

Nota: Sebelum mendaftar/menyertai Produk Kaotim, sila rujuk risalah produk kami, helaian penerangan produk dan sijil untuk butiran lanjut.